



3 September 2012  
3 September 2012  
P.U. (A) 279

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

### *UNITED NATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

---

SUSUNAN PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi organisasi antarabangsa
4. Keperibadian juridikal
5. Keistimewaan dan kekebalan
6. Penepian
7. Pembatalan

JADUAL

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1), dan seksyen 6A dan 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [Akta 485], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Keistimewaan dan Kekebalan) 2012.**

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“organ subsidiari” ertinya organ yang ditubuhkan di bawah organ utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang termasuk—

- (a) suatu organ atau pejabat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (b) suatu suruhanjaya, majlis atau badan lain yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau organnya; dan
- (c) suatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil suatu jawatankuasa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau organ, suruhanjaya, majlis atau badannya,

sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“organ utama” ertinya organ yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu—

- (a) Perhimpunan Agung;
- (b) Majlis Keselamatan;
- (c) Majlis Ekonomi dan Sosial;
- (d) Majlis Peramanahan;
- (e) Mahkamah Keadilan Antarabangsa; dan
- (f) Sekretariat; dan

“pegawai” ertinya seseorang pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, selain pegawai tempatan yang diambil bekerja.

### **Pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi organisasi antarabangsa**

3. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diisyiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa.

### **Keperibadian juridikal**

4. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan di sisi undang-undang sebagaimana yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya.

### **Keistimewaan dan kekebalan**

5. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan wakil anggota, pegawai dan pakar dalam misinya hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh kepada Akta.

### **Penepian**

6. (1) Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu daripada apa-apa proses undang-undang selain pelaksanaannya.

(2) Sesuatu Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau ketua suatu organisasi antarabangsa atau seberang laut masing-masing hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana orang yang hadir di persidangan yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai wakilnya jika, pada pandangan Negara Anggota atau ketua itu, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

(3) Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana Timbalan Setiausaha Agung atau Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau pegawai atau mana-mana orang yang sedang melaksanakan apa-apa misi bagi pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(4) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

## **Pembatalan**

7. Peraturan-Peraturan Bangsa-Bangsa Bersatu (Keistimewaan dan Kekebalan) 2009 [P.U. (A) 248/2009] dibatalkan.